

TERMA DAN SYARAT

A. Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. <u>Penganjur:</u>	Wyeth Nutrition (Malaysia) Sdn. Bhd. (199301002691)																								
2. <u>Promosi:</u>	WYETH NUTRITION PESTA KONGSI RAYA.																								
3. <u>Tempoh Promosi:</u>	Promosi bermula jam 00:00:00 (MYT) pada 14/01/2026 dan ditutup jam 23:59:59 (MYT) pada 31/03/2026.																								
4. <u>Kelayakan:</u>	Promosi ini dibuka kepada semua penduduk Malaysia yang sah berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi, dan dengan dokumen pengenalan yang sah dan beralamat rumah di Malaysia ("Peserta"). Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.																								
5. <u>Produk Turut Serta:</u>	a. Berikut adalah produk turut serta (semua saiz pek) ("Produk"): <table border="1"> <thead> <tr> <th>PRODUK TURUT SERTA</th><th>SAIZ PEK</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>S-26 GOLD® PROGRESS® 3</td><td>550g / 1.1kg / 1.65kg</td></tr> <tr> <td>S-26 GOLD® PROMISE® 4</td><td>550g / 1.1kg / 1.65kg</td></tr> <tr> <td>S-26® PROGRESS® 3</td><td>550g / 1.1kg / 1.65kg</td></tr> <tr> <td>S-26® PROMISE® 4</td><td>550g / 1.1kg / 1.65kg</td></tr> <tr> <td>ASCENDA®</td><td>600g / 1.8kg</td></tr> </tbody> </table> b. Semua pek berkembar promosi, termasuk tetapi tidak terhad kepada S-26 Gold Progress 1.65kg x2 (dengan percuma 550g), S-26 Gold Promise 1.65kg x2 (dengan percuma 550g) dan Ascenda 1.8kg x2 (dengan percuma 600g) dikecualikan untuk Promosi ini.	PRODUK TURUT SERTA	SAIZ PEK	S-26 GOLD® PROGRESS® 3	550g / 1.1kg / 1.65kg	S-26 GOLD® PROMISE® 4	550g / 1.1kg / 1.65kg	S-26® PROGRESS® 3	550g / 1.1kg / 1.65kg	S-26® PROMISE® 4	550g / 1.1kg / 1.65kg	ASCENDA®	600g / 1.8kg												
PRODUK TURUT SERTA	SAIZ PEK																								
S-26 GOLD® PROGRESS® 3	550g / 1.1kg / 1.65kg																								
S-26 GOLD® PROMISE® 4	550g / 1.1kg / 1.65kg																								
S-26® PROGRESS® 3	550g / 1.1kg / 1.65kg																								
S-26® PROMISE® 4	550g / 1.1kg / 1.65kg																								
ASCENDA®	600g / 1.8kg																								
6. <u>Outlet Turut Serta:</u>	a. Berikut ialah Outlet yang turut serta ("Outlet"), dan kesemua Outlet di bawah akan memaparkan bahan dagangan Promosi di premis mereka sepanjang Tempoh Promosi. <table border="1"> <thead> <tr> <th>NO</th><th>SELURUH NEGARA / RANGKAIAN PERUNCIT</th></tr> </thead> <tbody> <tr><td>1</td><td>BILLION SHOPPING CENTRE</td></tr> <tr><td>2</td><td>GEORGETOWN PHARMACY</td></tr> <tr><td>3</td><td>BIG PHARMACY</td></tr> <tr><td>4</td><td>HEALTHLANE</td></tr> <tr><td>5</td><td>CARING PHARMACY</td></tr> <tr><td>6</td><td>NSK</td></tr> <tr><td>7</td><td>TING PHARMACY</td></tr> <tr><td>8</td><td>TUNAS MANJA</td></tr> <tr><td>9</td><td>WELLINGS PHARMACY</td></tr> <tr><td>10</td><td>HERO</td></tr> <tr><td>11</td><td>ECONSAVE</td></tr> </tbody> </table>	NO	SELURUH NEGARA / RANGKAIAN PERUNCIT	1	BILLION SHOPPING CENTRE	2	GEORGETOWN PHARMACY	3	BIG PHARMACY	4	HEALTHLANE	5	CARING PHARMACY	6	NSK	7	TING PHARMACY	8	TUNAS MANJA	9	WELLINGS PHARMACY	10	HERO	11	ECONSAVE
NO	SELURUH NEGARA / RANGKAIAN PERUNCIT																								
1	BILLION SHOPPING CENTRE																								
2	GEORGETOWN PHARMACY																								
3	BIG PHARMACY																								
4	HEALTHLANE																								
5	CARING PHARMACY																								
6	NSK																								
7	TING PHARMACY																								
8	TUNAS MANJA																								
9	WELLINGS PHARMACY																								
10	HERO																								
11	ECONSAVE																								

		12	MYDIN	
		13	TF VALUE	
		14	THE STORE/MILIMEWA	
		15	JAYA GROCER	
		16	VILLAGE GROCER/ BEN'S/ OTK/ FOOD MERCHANT	
			KEDAH	
		1	BHK DUTY FREE	
		2	BILLION (GROUP)	
		3	FARMASI AKASIA (103023356)	
		4	FARMASI MYINDAH (103033462)	
		5	GEORGETOWN BABY ALOR SETAR	
		6	GEORGETOWN PHARMACY (GROUP)	
		7	KARNIVAL JERAI	
		8	K-CERIA SUPERMARKET GROUP	
		9	KEDAWANG	
		10	KHOO MEDICAL SUPPLIES (103002946)	
		11	MEGA KULIM PHARMACY (GROUP)	
		12	PASARAYA EKONOMI SCH SDN BHD	
		13	PASARAYA ANEKA (GURUN) SDN BHD	
		14	PASARAYA MINAT KULIM	
		15	PASARAYA SHAAN KULIM	
		16	PASARAYA YAWATA (JITRA) SDN BHD	
		17	PL SOON HUAT	
		18	RMT KODIANG	
		19	SUPERMAS RETAIL SDN BHD	
		20	TAMAN SULTAN BADLISHAH SUPERSTORE	
		21	TEOW SOON HUAT	
		22	PASARAYA YOU SAVE (LGK) SDN BHD	
			PENANG	
		1	BANDAR BARU SUPERMARKET (GROUP)	
		2	BILLION (GROUP)	
		3	C-MART HOLDING (GROUP)	
		4	GAMA SUPERMARKET	
		5	HERO	
		6	JAYAMAS RELAU	
		7	JMS PERMATANG PAUH	
		8	MEGA KULIM PHAMACY (GROUP)	
		9	MERCATO GURNEY PLAZA	
		10	MERCATO ISLAND 88	
		11	SIANG PHARMACY	
		12	SUNSHINE (GROUP)	
		13	TUNAS MANJA	
		14	VILLAGE GROCER	
		15	WONDERFUL SUPERMARKET (GROUP)	
		16	YAWATA SUPERMARKET SDN BHD (103000191)	

			PERAK	
		1	BILLION	
		2	ECONSAVE	
		3	MYDIN	
		4	PACIFIC TAIPING	
		5	TF VALUEMART	
		6	THE STORE	
			SELANGOR/KUALA LUMPUR	
		1	BEST FRESH MART	
		2	BIG SUPERMARKET	
		3	ECONMART SUPERMARKET	
		4	G.U.S. SERI KEMBANGAN	
		5	G.U.S. TELOK PANGLIMA GARANG	
		6	G.U.S BUKIT BERUNTUNG	
		7	HANIFFA SDN BHD	
		8	SOGO KUALA LUMPUR	
		9	isetan	
		10	K PLUS FOOD MARKET	
		11	KEN'S GROCER	
		12	MEMIZOOOZOOO GROCER	
		13	PASARAYA BORONG MATAHARI	
		14	SAM'S GROCERIA, NU SENTRAL	
		15	SELECTIONS GROCERIES	
		16	STAR GROCER	
		17	URBAN MARKETPLACE	
		18	CERR MART SDN BHD	
		19	CLC WHOLESALER GROUP SDN BHD	
		20	PASARAYA CS BROTHERS	
		21	CS GROCER	
		22	HIJRAH GROCER	
		23	PASARAYA BAN SOON	
		24	PASARAYA I MESRA MART	
		25	GT MART	
		26	BE PHARMACY	
			MELAKA	
		1	ALOR GAJAH FAMILY STORE SDN BHD	
		2	ANGEE BERTAM SDN BHD	
		3	ANGEE WHOLESALE SDN BHD	
		4	ASTAKA SHOPPING CENTRE	
		5	B & FAMILY SDN BHD	
		6	BACHANG FAMILY STORE SDN BHD	
		7	BATU BERENDAM FAMILY STORE SDN BHD	
		8	BEST FRESH MART SDN BHD	
		9	BUKIT RAMBAI FAMILY STORE SDN BHD	
		10	DUYONG FAMILY STORE SDN BHD	
		11	FRESCO SUPERMARKET SDN BHD	

		12	JASIN POINT FAMILY STORE SDN BHD	
		13	JASIN SHOPPING CENTRE SDN BHD	
		14	KESIDANG FAMILY STORE SDN BHD	
		15	KINI MART (M) SDN BHD	
		16	KLEBANG FAMILY STORE SDN BHD	
		17	M PARADE FAMILY STORE SDN BHD	
		18	MASJID TANAH FAMILY STORE SDN BHD	
		19	MLK MALL FAMILY STORE SDN BHD	
		20	PASARAYA E FAMILY STORE ENTERPRISE	
		21	PASARAYA E FAMILY STORE (DURIAN TUNGGAL)	
		22	PASARAYA G MART SDN BHD	
		23	SGU FAMILY STORE SDN BHD	
		24	TAMPIN SHOPPING CENTRE SDN BHD	
		25	I MOLEK FAMILY STORE	
			NEGERI SEMBILAN	
		1	BIG 10 GROCER	
		2	ECONMART MANTIN SDN BHD	
		3	FAMILY STORE	
		4	G.U.S TG SEPAT	
		5	G.U.S. SUNGEI PELEK	
		6	G.U.S. NILAI	
		7	GALENA FAMILY STORE SDN BHD	
		8	GEDUNG SRI MINANG SDN BHD	
		10	MANTIN ZEMART SDN BHD	
		12	PASARAYA TTJ FAMILY SDN BHD	
		13	PD FAMILY STORE SDN BHD	
		14	RJ FAMILY STORE SDN BHD	
		15	SENAWANG FAMILY STORE SDN BHD	
		16	SIKAMAT FAMILY STORE SDN BHD	
		17	S-TWO FAMILY STORE SDN BHD	
		18	AMPANGAN FAMILY STORE SDN BHD	
		19	BAHAU ZEMART SDN BHD	
		20	FS FAMILY STORE SDN BHD	
		21	KK FAMILY MART SDNBHD	
		22	SENAWANG ZEMART SDN BHD	
		23	SP ZEMART SDN BHD	
			JOHOR	
		1	MASLEE GROUP	
		2	HERO	
		3	HWA TAI	
		4	INDAH FRESH MARKET SDN BHD	
		5	INDAH SHOPPING CENTRE	
		6	INDAH SHOPPING CTR - ULU TIRAM	
		7	KAPITAN	
		8	KAPITAN GROCERY SDN BHD	
		9	KHJ FRESH MARKET SDN BHD	

		10	MERCATO PLAZA PELANGI	
		11	MIDAS MERGE SDN BHD	
		12	NB JOM BELI SDN BHD	
		13	NIRWANA	
		14	NSK	
		15	PACIFIC BATU PAHAT MALL	
		16	PACIFIC KLUANG MALL	
		17	PASARAYA HWA THAI	
		18	TRENDCELL	
		19	TUNAS MANJA	
		20	UNIFIED VISION SDN BHD	
		21	VILLAGE GROCER	
		22	WARDA MART	
			KELANTAN	
		1	HOME U GROUP	
		2	LAUTAN PHARMACY	
		3	PASARAYA BILLION GROUP	
		4	PASARAYA ECONJAYA GROUP	
		5	PASARAYA PANTAI TIMOR GROUP	
		6	PASARAYA PKT GROUP	
		7	SALAMKU GROUP	
		8	SYARIKAT PERNIAGAAN MESRA	
		9	TUNAS MANJA GROUP	
		10	ZUA PERMAI TRADING	
			TERENGGANU	
		1	LAUTAN PHARMACY	
		2	NIRWANA GROUP	
		3	PASARAYA ECONJAYA SDN BHD	
		4	PASARAYA PANTAI TIMOR GROUP	
		5	PASARAYA XIRI GROUP	
		6	SABASUN HYPERRUNCIT GROUP	
		7	TUNAS MANJA GROUP	
			PAHANG	
		1	ALFA INDAH (JAYA GADING) SDN BHD	
		2	BIG 10 GROCER	
		3	NIRWANA GROUP	
		4	PANTAI SELAMAT GROUP	
		5	PASARAYA BS GROUP	
		6	SABASUN HYPERRUNCIT GROUP	
		7	TUNAS MANJA GROUP	
			SABAH	
		1	BATARAS	
		2	CKS MILLENNIUM	
		3	CKS SUPERMARKET	

		4	MILIMEWA
		5	PARKWELL DEPARTMENTAL SANDAKAN
		6	SERVAY
		7	SUNNY SUPERMARKET
			SARAWAK
		1	BOULEAVARD GROUP
		2	DAESCO SUPERMARKET
		3	EMART
		4	EVERRISE GROUP
		5	EVERWIN GROUP
		6	FARLEY
		7	HABITAT JUNIOR
		8	H&L GROUP
		9	J5 MART
		10	MDS MART
		11	NAM LEONG GROUP
		12	NG SIAN HAP
		13	SERVAY
		14	SING KWONG GROUP
	15	SING KWONG GROUP - BINTULU	
	16	TA KIONG	
	17	TECK KONG GROUP	
	18	WSL XIANG XIANG GROUP	
	b. Senarai lengkap Outlet juga akan tersedia di Laman Web Promosi di: https://www.parenteam.com.my/promotions/pestakongsiraya2026		
7. <u>Peringkat Promosi:</u>	a. Promosi dibahagikan kepada dua (2) Peringkat dan Peserta layak menebus seperti berikut:		
	PERINGKAT	PEMBELIAN MINIMUM PRODUK	TEBUS
	1	2 pek mana-mana Produk sama ada saiz 550g atau 600g, dalam <u>satu</u> resit bercetak asal	Satu (1) Kod Tambah Nilai e-Wallet RM8
2	2 pek mana-mana Produk sama ada saiz 1.1kg atau 1.65kg atau 1.8kg, dalam <u>satu</u> resit bercetak asal	Satu (1) Kod Tambah Nilai e-Wallet RM15	
	b. Item Penebusan adalah dalam bentuk Kod Tambah Nilai e-Wallet pilihan yang telah ditetapkan, sama ada: i. PIN Tambah Nilai Touch ‘n Go e-Wallet bernilai RM8 atau RM15, atau ii. Kod Penebusan Kredit Boost bernilai RM8 atau RM15.		

8. <u>Kaedah Penyertaan & Bukti Pembelian:</u>	a. Untuk menyertai Promosi, beli mana-mana dua (2) pek Produk sama ada saiz 550g atau 600g (Peringkat 1 - Pembelian Minimum) dan/atau dua (2) pek Produk sama ada saiz 1.1kg, 1.65kg atau 1.8kg (Peringkat 2 - Pembelian Minimum) dalam <u>satu</u> resit bercetak asal daripada mana-mana Outlet di Dalam Kedai ("Resit") sebagai bukti pembelian sepanjang Tempoh Promosi. Gabungan resit tidak diterima. b. <u>Resit Outlet Di Dalam Kedai:</u> - Resit boleh didapati dalam bentuk resit bercetak daripada sistem Point of Sale dan/atau resit bertulis bagi pembelian di outlet di dalam kedai. Resit mesti menyatakan nama dan/atau logo outlet di mana pembelian dibuat. Jika tidak tertera, resit perlu dicop dengan cap rasmi syarikat outlet tersebut. - Resit juga mesti menyatakan tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian Produk dan nombor Resit ("Butiran Resit"). c. Kaedah penyertaan Promosi adalah melalui Laman Web Promosi sahaja. Semua kaedah penyerahan lain akan dibatalkan. d. <u>Penyerahan Penyertaan melalui Laman Web Promosi:</u> - Lawati Laman Web Promosi di: https://www.parenteam.com.my/promotions/pestakongsiraya2026 atau imbas kod QR yang ditunjukkan pada bahan komunikasi di Outlet yang turut serta dan lengkapkan Borang Web. - Isikan semua Butiran Peribadi yang diperlukan termasuk negeri pemastautin ("Butiran Peribadi") pada Borang Web dan nombor telefon mudah alih berdaftar di Malaysia yang serasi dengan WhatsApp untuk komunikasi selanjutnya, dan pilih e-Wallet pilihan. - Tangkap satu (1) gambar/imej jelas dan boleh dibaca dalam format jpg atau jpeg atau png ("Imej") Resit yang lengkap dengan butiran Resit yang diperlukan. Satu (1) Imej mesti mengandungi gambar satu (1) Bukti Pembelian sahaja dan fail Imej mesti kurang daripada 5MB. - Muat naik Imej pada Borang Web dan klik 'hantar' ("Penyertaan"). - Penganjur akan memaparkan mesej Terima Kasih untuk setiap Penyertaan yang diterima. e. Peserta boleh menghantar seberapa banyak Bukti Pembelian yang mereka inginkan tetapi setiap Bukti Pembelian layak untuk HANYA satu (1) penyerahan Penyertaan. f. Dalam apa jua keadaan, penebusan adalah tertakluk kepada had penebusan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 10 di bawah. g. Setiap Penyertaan yang diterima akan disahkan dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi penyertaan yang layak (setiap satu "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan-penyertaan Layak"). Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana Penyertaan dengan Butiran Peribadi yang tidak lengkap atau tidak sepadan, Imej yang tidak jelas dan/atau tidak boleh dibaca dan/atau pendua dan/atau mengandungi lebih daripada satu (1) Bukti Pembelian dan/atau di mana Bukti Pembelian tidak boleh
--	--

	dibaca, dengan butiran yang tidak lengkap, dicetak semula, diduplikasi, tidak jelas, rosak, ditukar dan/atau diubah suai dalam apa jua cara. h. Semua Penyertaan akan disemak untuk pendua berdasarkan nama penuh Peserta, nombor pengenalan dan nombor mudah alih yang diserahkan. Semua Penyertaan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur tanpa notis lanjut kepada Peserta. Penganjur juga boleh, tanpa pemberitahuan lanjut kepada Peserta, membatalkan kelayakan mana-mana Bukti Pembelian jika Penganjur mengesyaki bahawa Peserta menyerahkan Bukti Pembelian yang dihasilkan sendiri, dipalsukan atau dikeluarkan ke atas Produk yang tidak dibeli. i. Penganjur berhak meminta bukti salinan cetak Bukti Pembelian asal seperti imej yang diterima dalam Penyertaan Layak untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Bukti Pembelian asal atas permintaan akan menyebabkan pembatalan dan pelucutan.
9. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u>	Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur dalam Tempoh Promosi. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi akan dibatalkan secara automatik.
10. <u>Penebusan:</u>	a. Penebusan Kod Tambah Nilai e-Wallet adalah terhad kepada: <u>Peringkat 1</u> – satu ribu (1,000) Penyertaan Layak pertama yang diterima sepanjang Tempoh Promosi. <u>Peringkat 2</u> – lapan ratus (800) Penyertaan Layak pertama yang diterima sepanjang Tempoh Promosi. b. Sekiranya jumlah Penebusan bagi setiap Peringkat telah habis ditebus, Penganjur akan mengemas kini status di Laman Web Promosi dan tidak lagi menerima sebarang Penyertaan untuk Penebusan Kod Tambah Nilai e-Wallet. c. Bagi setiap Penyertaan layak yang diterima, Peserta hanya boleh menebus satu (1) Kod Tambah Nilai e-Wallet tanpa mengira sebarang kuantiti dibeli yang melebihi Pembelian Minimum dalam <u>satu</u> resit bercetak asal. <u>Sebagai contoh:</u> - Jika Peserta A membeli satu (1) S-26 GOLD® PROGRESS® 3 550g dan satu (1) S-26 GOLD® PROGRESS® 4 550g sepanjang Tempoh Promosi, Peserta A layak menebus satu (1) Kod Tambah Nilai e-Wallet Peringkat 1 bernilai RM8 sahaja. - Jika Peserta B membeli satu (1) S-26 GOLD® PROGRESS® 3 1.1kg dan satu (1) S-26 GOLD® PROGRESS® 4 1.1kg sepanjang Tempoh Promosi, Peserta B layak menebus satu (1) Kod Tambah Nilai e-Wallet Peringkat 2 bernilai RM15 sahaja. - Jika Peserta C membeli tiga (3) S-26 GOLD® PROGRESS® 3 1.1kg sepanjang Tempoh Promosi, Peserta C layak menebus satu (1) Kod Tambah Nilai e-Wallet Peringkat 2 bernilai RM15 sahaja. - Jika Peserta D membeli satu (1) S-26 GOLD® PROGRESS® 3 550g dan satu (1) ASCENDA® Catch-Up Growth Milk Formula 600g sepanjang Tempoh Promosi, Peserta D layak menebus satu (1) Kod Tambah Nilai e-Wallet Peringkat 1 bernilai RM8 sahaja.

	v. Jika Peserta E membeli satu (1) S-26 GOLD® PROGRESS® 3 <u>550g</u> dan satu (1) S-26 GOLD® PROGRESS® 3 <u>1.1kg</u> sepanjang Tempoh Promosi, Peserta E <u>TIDAK</u> layak menebus sebarang Kod Tambah Nilai e-Wallet. d. <u>Had Penebusan Peserta:</u> Setiap Peserta dengan Butiran Peribadi yang sama hanya boleh menebus sehingga <u>maksimum empat (4) Kod Tambah Nilai e-Wallet</u> (gabungan Peringkat 1 & Peringkat 2) sepanjang Tempoh Promosi. e. Pembekal perkhidmatan Penganjur akan menghantar Kod Tambah Nilai e-Wallet mengikut e-Wallet yang telah dipilih dalam Penyertaan ke nombor mudah alih Peserta yang diterima Penganjur dalam Penyertaan melalui Nombor WhatsApp Rasmi WYETH NUTRITION PESTA KONGSI RAYA di 6018 388 0366 dalam tempoh tujuh [7] hari bekerja dari Penyertaan. f. Semua PIN Tambah Nilai e-Wallet yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditetapkan oleh Penganjur seperti yang dinyatakan dalam mesej WhatsApp akan dibatalkan.
11. <u>Terma Tambahan:</u>	a. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya mana-mana Kod Tambah Nilai e-Wallet tidak dapat dihantar atau disampaikan kepada Peserta disebabkan sebarang perubahan, kesilapan dan/atau perbezaan dalam nombor mudah alih yang diserahkan kepada Penganjur dalam Penyerahan dan/atau disebabkan isu dengan tetapan WhatsApp atau telefon mudah alih Peserta. b. Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk melanjutkan tempoh masa penghantaran Kod Tambah Nilai e-Wallet sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Penganjur. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya tidak menerima atau terdapat kelewatan penghantaran Kod Tambah Nilai e-Wallet kepada Peserta. c. Semua Peserta mesti mematuhi terma dan syarat vendor dan pihak yang mengatur dan menyediakan PIN Tambah Nilai e-Wallet. Peserta hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk sebarang yuran pentadbiran tambahan atau kos yang berkaitan dengan menebus PIN Tambah Nilai melalui saluran selain daripada aplikasi dan penggunaan masing-masing. Berikut adalah terma dan syarat vendor: - Penebusan dan penggunaan PIN Tambah Nilai Touch 'n Go e-Wallet tertakluk pada Terma & Syarat Touch 'n Go Sdn Bhd (TNG Digital Sdn Bhd); https://www.touchngo.com.my/assets/pdf/user-tnc.pdf - Penebusan dan penggunaan Kod Penebusan Kredit Boost tertakluk pada Terma & Syarat Axiata Digital eCode Sdn Bhd; https://www.myboost.com.my/terms/ d. Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, untuk menggantikan mana-mana PIN Tambah Nilai e-Wallet yang dinyatakan dengan premium lain yang sama nilai, pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Semua PIN Tambah Nilai e-Wallet diberikan dalam keadaan “sedia ada” dan tidak boleh ditukar ganti kepada kredit, barangan lain atau baucar sama ada sebahagian atau sepenuhnya.

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan dan Notis Privasi yang boleh didapati di: <https://www.parenteam.com.my/promotions/pestakongsiraya2026>, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua peserta (dan ibu bapa/penjaga sah peserta, dalam kes peserta di bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

B: Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif pada semua Peserta, dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

2. Penyertaan Peraduan

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Peraduan ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Peraduan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau bukti penerimaan yang tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan

teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

3. Kelayakan

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Peraduan ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Ketidaklayakan

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

- 5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:

- (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

- 5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Peraduan dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
- (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.

- 5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

6. Hadiah

- 6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran

dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

- 6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.
- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
- 6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti dituntut menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

- 6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan seperti sedia ada”. Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.
- 6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan penyertaan seorang Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Peraduan (secara kolektif dirujuk sebagai “Material”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk pengiklanan, publisiti dan Peraduan mana-mana barangan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

8. Hak Milik Harta Intelektual

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 ("Kumpulan Nestlé Malaysia"), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan kerosakan berbangkit) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Peraduan, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Peraduan ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

10. Had Liabiliti

10.1 Penyertaan Peserta dalam Peraduan ini adalah atas risiko Peserta sendiri.

10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Peraduan ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

11. Am

11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.

11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan Peraduan) berhubung dengan Peraduan ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.

11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan

seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.

- 11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Peraduan yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Peraduan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

12. Notis Privasi

- 12.1 Dengan menyertai Peraduan, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur mengikut Notis Privasi di <https://www.wyethnutrition.com.my/privacy-notice>.
- 12.2 By participating in the Promotion, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in <https://www.wyethnutrition.com.my/ms/Kenyataan-privasi>.